

Tajuk : Sonar Tribal UNIMAS lancar album pertama

Sonar Tribal UNIMAS lancar album pertama

KUCHING, Jumaat — Sekumpulan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang menggelarkan diri mereka Sonar Tribal telah melancarkan EP pertama mereka bertajuk ‘First Episode’ baru-baru ini di Dewan Serbaguna, Student Pavilion, UNIMAS.

Album tersebut dilancarkan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UNIMAS Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman dan disaksikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim.

Turut hadir pada acara tersebut ialah wakil dari DiGi Telecommunications Sdn Bhd diketuai oleh Benny Wee selaku Ketua DiGi Bahagian Sarawak, pensyarah dan pelajar UNIMAS serta ahli komuniti dari Kampung Sebayor, Kota Samarahan.

Kumpulan Sonar Tribal merupakan pemenang peringkat Zon Sarawak untuk pertandingan DiGi Challenge for Change (C4C) 2011 anjuran DiGi dan akan bertanding di peringkat akhir pada 21-22 Mac 2012 akan datang di Kuala Lumpur.

Pada tahun ini, pertandingan tersebut memberi peluang kepada peserta untuk menjadi technopreneurs yang akan memanfaatkan mas-yarakat menggunakan teknologi mobile dan internet. “

First Episode” merupakan sebahagian daripada aktiviti kumpulan tersebut untuk mempromosikan muzik tribal serta memberi manfaat kepada masyarakat dan bukan berdasarkan keuntungan semata-mata.

Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman menyatakan kegembiraan beliau melihat kemajuan yang diperolehi oleh Sonar Tribal yang ditubuhkan hanya 5 bulan lalu.

Sekalipun UNIMAS merupakan Institusi Pengajian Tinggi, akan tetapi UNIMAS tidak hanya mementingkan kecemerlangan akademik pelajar semata, malahan juga menyediakan platform untuk mengasah Kemahiran Insaniah para pelajar termasuk kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, dan berinteraksi dengan para professional serta semua lapisan mas-yarakat. Beliau menambah, walaupun para pelajar yang menganggotai Sonar Tribal mempunyai latarbelakang dalam bidang kejuruteraan sivil dan ekonomi, tetapi mereka telah mengorak langkah menyertai DiGi C4C yang jauh dari keupayaan akademik mereka sehingga berjaya sampai ke peringkat akhir, dengan usaha dan dorongan dari penasihat yang merupakan pensyarah UNIMAS serta mentor dari DiGi.

Menurut Adruce Izzul Fahmi, 22, Ketua Kumpulan Sonar Tribal, beliau bersama Muhammad Hafizi Asmuni dan Muhammad Sufyan Kamarol Zaman, yang kesemuanya merupakan pelajar tahun akhir dari Fakulti Kejuruteraan serta Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, mempunyai minat di dalam bidang muzik yang menjadi pemungkin dalam mempromosi muzik tribal Sarawak.

Sonar Tribal bertujuan untuk memelihara muzik tribal warisan pelbagai etnik

Sarawak dengan melatih dan mengetengahkan bakat anak muda di Sarawak serta mengembangkan muzik mereka ke seluruh dunia.

“Muzik melampaui pelbagai bahasa, tetapi muzik tradisional bukanlah pilihan utama memandangkan lebih banyak pilihan genre muzik lain pada masa ini”, tambah Adruze.

Sonar Tribal mengeksperimen gabungan muzik kontemporer dan tribal untuk menjadikan ia lebih dirasai dan dapat diterima oleh semua generasi tanpa mengubah dan menghilangkan keaslian muzik tersebut.

“First Episode” mengandungi 6 buah lagu yang dirakamkan di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS dan Shone Music House.

Album tersebut mengetengahkan kesemua lagu ciptaan ahli kumpulan itu sendiri yang dimainkan menggunakan alat muzik tradisional seperti Sape, Kecakat dan Darbuka serta gabungan alat muzik kontemporer seperti gitar dan bass.

Album tersebut juga memperkenalkan bakat-bakat yang dicungkil oleh Sonar Tribal menerusi Sonar Tribal Music Bootcamp mereka iaitu Ezra Telkola dari Baram, dan Martin Denan ak Dais serta Ramdi ak Most dari Kpg Sebayor, Kota Samarahan. Antara lagu-lagu yang dimuatkan ialah Savayor’s Mists, Sape Leto, Ole Ole, Runaway, Ngantok dan sebuah trek Bonus.

Projek Sonar Tribal adalah projek kemasyarakatan, mencari dan mengasah bakat-bakat dari masyarakat tempatan, membuat rakaman,

menyebarluaskan maklumat secara atas talian serta membuka ruang kepada bakat-bakat tersebut untuk membuat persembahan. Keuntungan yang diperoleh hasil dari jualan CD serta persembahan akan dijana semula untuk aktiviti kemasyarakatan yang mendukung usaha utama mereka iaitu memelihara muzik tribal, serta mencari dan mengasah bakat-bakat baru.

Mereka yakin usaha ini akan membolehkan para pemuzik untuk berdikari di masa akan datang dan menyebarluaskan muzik tribal Sarawak ke seluruh dunia. Komuniti pertama yang akan mendapat man-

faat dari projek Sonar Tribal ialah Kelab Kebudayaan Kampung Sebayor.

Sonar Tribal telah mendapat perhatian dari seluruh dunia melalui media sosial seperti Twitter dan Facebook dan menerima undangan persembahan dari pelbagai badan korporat serta muncul dalam beberapa wawancara TV. Kumpulan ini juga akan men-


gadakan Sonar Tribal Giveback Weekend yang dijadualkan pada 17 Mac 2012 ini.

“Kami sangat berbangga untuk menjadi sebahagian daripada pembangunan Sonar Tribal melalui

DiGi Challenge for Change dan sangat gembira untuk menyaksikan majlis pelancaran “First Episode”.

Kami juga sangat teruja melihat perkembangan besar Sonar Tribal dalam muzik dan tidak sabar untuk melihat mereka beraksi di final yang akan berlangsung di Kuala Lumpur nanti,” kata Benny Wee dari DiGi.

Pada majlis pelancaran tersebut, Sonar Tribal serta bakat dari Kampung Sebayor telah mempersembahkan 2 buah lagu dari EP mereka. Kumpulan tersebut boleh dihubungi di talian 014-931 9754



atau melalui email mereka di sonartribal@gmail.com.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Cik Nor Azalina Rosli di 082-583301.